

BAHAGIAN A

[30 markah]

Jawab semua soalan


Soalan 1 berdasarkan peta topo siri 2280/2/2023. Kaji peta ini dengan teliti sebelum menjawab soalan berikut.

- 1 a) Nyatakan rujukan grid enam angka bagi rumah api yang terletak di barat laut peta.

..... [2 markah]

- b) Berapakah bearing Bkt Tagar RG 839646 dari jambatan besi RG 813656?

..... [2 markah]



- c) (i) Berapakah keluasan kawasan hutan primer pada segi empat grid di atas?

.....km². [2 markah]

- (ii) Terangkan kepentingan kawasan hutan tersebut kepada alam sekitar.

.....

 [4 markah]

- d) (i) Mengapakah bahagian timur garisan timuran 83 peta kurang petempatan?

.....

 [2 markah]

- (ii) Wajarkah bahagian timur garisan timuran 83 peta diteroka untuk kegiatan ekonomi?

.....

.....

.....

.....

[3 *markah*]



Soalan 2 berdasarkan Jadual 1.

Bilangan Kelahiran Hidup Mengikut Jantina di Malaysia bagi Tempoh Tahun 2022 hingga 2024

Tahun	Bilangan Kelahiran Hidup (ribu orang)	
	Lelaki	Perempuan
2022	236	220
2023	230	216
2024	214	204

Jadual 1

Sumber: Ubahsuai dari Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), OpenDOSM

- 2 a) Berdasarkan Jadual 1, lukis sebuah graf bar berganda yang menunjukkan Bilangan Kelahiran Hidup Mengikut Jantina di Malaysia bagi Tempoh Tahun 2022 hingga 2024. Gunakan skala 1 cm mewakili 20 ribu orang.
[Sila guna kertas graf yang disediakan] [7 markah]

- b) Berdasarkan graf yang telah dilukis, jelaskan pola bilangan kelahiran hidup mengikut jantina di Malaysia bagi tempoh tahun 2022 hingga 2024?

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- c) Jelaskan faktor yang mempengaruhi perubahan bilangan kelahiran tersebut di Malaysia.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

BAHAGIAN B
[30 markah]
 Jawab *semua* soalan

Soalan 3 berdasarkan Foto 1 berikut yang berkaitan dengan luluh hawa.



FOTO 1

- 3 a) Apakah jenis luluh hawa yang dapat dikaitkan dengan foto di atas?

.....
 [1 markah]

- b) Apakah faktor yang mempengaruhi luluh hawa pada foto di atas?

.....
 [1 markah]

- c) Terangkan proses luluhawa bagi jenis luluh hawa yang dinyatakan pada 3(a).

.....


 [4 markah]

- d) Jelaskan kepentingan bentuk muka bumi hasil daripada proses luluh hawa kepada manusia.

.....

 [4 markah]

Soalan 4 berdasarkan lorekan pada peta berikut.



- 4 a) Namakan jenis tumbuh-tumbuhan semula jadi yang terdapat pada lorekan **A** dan **B**.

Tumbuhan **A** :

Tumbuhan **B** :

[2 markah]

- b) Jelaskan perbezaan ciri tumbuh-tumbuhan semula jadi yang dinyatakan pada 4(a).

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- c) Bagaimana langkah pengurusan hutan secara lestari dapat dilaksanakan untuk menjamin bekalan sumber hutan yang berterusan.

.....

.....

.....


.....

.....

[4 markah]



Soalan 5 berdasarkan foto berikut:



- 5 a) Apakah jenis petempatan berdasarkan foto tersebut?

Petempatan X :

Petempatan Y :

[2 markah]

- b) Jelaskan sumbangan petempatan Y kepada petempatan X.

.....

[4 markah]

- c) Bagaimanakah kawasan dalam petempatan X dapat dibangunkan sebagai bandar baharu yang mesra alam sekitar pada masa akan datang?

.....

[4 markah]

BAHAGIAN C

[40 markah]

Jawab **dua** soalan sahaja

6. a) Di atas Peta 1 (MALAYSIA) di halaman 9, namakan empangan yang ditandakan dengan:
- (i) **P**
 - (ii) **Q**
 - (iii) **R**
 - (iv) **S**
- [4 markah]
- b) Jelaskan kepentingan penjaan sumber tenaga hidroelektrik terhadap pembangunan negara.
- [8 markah]
- c) Perkembangan sumber tenaga hidroelektrik ini telah meenggalakkan pembinaan kawasan empangan. Huraikan kesan yang berlaku akibat pembinaan empangan tersebut.
- [8 markah]

Soalan 7 berdasarkan rajah berikut.



7. a) Mengapakah Malaysia menjadi tumpuan buruh asing dari negara Indonesia, Bangladesh dan Myanmar?
- [6 markah]
- b) Jelaskan kesan-kesan yang berlaku akibat pergerakan masuk buruh asing ke Malaysia.
- [6 markah]
- c) Wajarkah kerajaan mengehadkan kemasukan buruh asing di Malaysia? Jelaskan alasan anda.
- [8 markah]



Soalan 8 berdasarkan foto berikut.

Foto berkaitan dengan salah satu kegiatan ekonomi.



8. a) Jelaskan sumbangan kegiatan ekonomi tersebut terhadap pembangunan ekonomi negara. [6 markah]
- b) Bagaimanakah kegiatan ekonomi tersebut boleh menyebabkan kemerosotan kualiti alam sekitar? [6 markah]
- c) Pada pendapat anda, sejauh manakah langkah pengurusan yang mampan dapat mengurangkan impak negatif kegiatan ekonomi tersebut. [8 markah]

Soalan 9 berdasarkan foto berikut.


Foto berkaitan dengan sejenis hidupan liar di Malaysia.



9. a) Terangkan kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan hidupan liar kepada negara. [6 markah]
- b) Jelaskan faktor yang mengancam kelangsungan hidup hidupan liar tersebut di Malaysia. [6 markah]
- c) Cadangkan usaha-usaha pemuliharaan dalam memastikan kelestarian hidupan liar di Malaysia. [8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

PETA 1 (MALAYSIA) untuk Soalan No.6 (a)



PETA 1: MALAYSIA

P		R	
Q		S	

